

17 DEC 1997

HOSPITAL SWASTA DIGESA KURANGKAN BAYARAN BAGI RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru supaya bayaran perubatan dikurangkan bagi rakyat Malaysia yang mengunjungi hospital-hospital swasta.

"Tolonglah beri potongan harga kepada pesakit-pesakit Malaysia yang pendapatannya telahpun susut sebanyak 45 peratus," kata beliau pada perasmian Pusat Perubatan Gleneagles Intan di Jalan Ampang.

Kata Perdana Menteri hospital swasta boleh mengenakan bayaran yang lebih tinggi kepada orang asing kerana penurunan nilai ringgit membuat mereka lebih mampu.

"Pada mesyuarat Kabinet hari ini, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng berkata hospital kerajaan mengalami tekanan yang semakin meningkat untuk menerima lebih ramai pesakit kerana mereka tidak mampu membayar (bagi perubatan) di hospital-hospital swasta."

Dr Mahathir juga menyeru pengamal-pengamal perubatan supaya sanggup gaji mereka dipotong bagi mengurangkan kos kendalian hospital.

Katanya, rakyat Malaysia harus belajar berjimat cermat sekarang dan hidup dengan cara yang kurang daripada apa yang menjadi kebiasaan kepada mereka.

"Kita tidak menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang, tetapi jika kita tidak berhati-hati kita mungkin menghadapi zaman meleset," tegas Perdana Menteri. -- BERNAMA

AD KY/sia